



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, MEI 2021

**Kadar pengangguran 4.5 peratus pada Mei 2021 merekodkan
728.1 ribu orang penganggur**

PUTRAJAYA, 8 JULAI 2021 – Kadar pengangguran 4.5 peratus pada Mei 2021 merekodkan 728.1 ribu orang penganggur, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Mei 2021. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Kadar pengangguran pada Mei 2021 menurun sedikit berbanding April pada 4.5 peratus (April 2021: 4.6%). Justeru, bilangan penganggur yang lebih rendah dicatatkan iaitu seramai 728.1 ribu orang (April 2021: 742.7 ribu orang) dengan trend penurunan sejak Februari 2021. Pada Mei tahun lalu, negara merekodkan kadar pengangguran bulanan tertinggi iaitu sebanyak 5.3 peratus dengan 826.1 ribu orang penganggur. Oleh itu, perbandingan dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya, bilangan penganggur adalah lebih rendah namun masih melebihi 500 ribu orang penganggur yang direkodkan ketika tempoh sebelum pandemik".

Pada awal Mei 2021, kebanyakan negeri berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersyarat dan Pemulihan di mana perniagaan masih terus beroperasi dengan patuhan kepada prosedur operasi standard (SOP). Mulai 6 Mei 2021, beberapa negeri telah diletakkan di bawah fasa PKP bagi mengekang penularan wabak COVID-19; iaitu Johor, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Sarawak. Sebelum itu, Kelantan telah berada dalam fasa PKP sejak akhir April 2021. Walaupun langkah lebih ketat dilaksanakan di negeri-negeri tersebut, semua aktiviti ekonomi termasuk perniagaan kecil dan bazar masih dibenarkan beroperasi dengan patuhan kepada SOP yang ketat.

Menjelaskan mengenai situasi penduduk bekerja pada bulan tersebut, Ketua Perangkawan berkata, "Bilangan penduduk bekerja meningkat secara marginal sebanyak 0.1 peratus kepada 15.37 juta orang (April 2021: 15.35 juta orang). Nisbah

guna tenaga kepada penduduk tidak berubah iaitu pada 65.4 peratus. Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan bulan ke bulan terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan dan minuman; dan Kesihatan kemanusiaan & kerja sosial. Bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan juga terus mencatatkan pertumbuhan positif bagi tempoh tujuh bulan. Sementara itu, penduduk bekerja dalam sektor Pembinaan, Pertanian dan Perlombongan & Pengkuarian menurun”.

Melihat kepada taraf pekerjaan, kategori pekerja yang terdiri daripada komposisi terbesar penduduk bekerja iaitu sebanyak 77.9 peratus, bertambah sebanyak 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 11.98 juta orang (April 2021: 11.96 juta orang). Begitu juga, penduduk bekerja sendiri mencatatkan peningkatan sebanyak 2.4 ribu orang kepada 2.49 juta orang pada Mei 2021. Pertambahan penduduk bekerja dalam kategori ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh kebenaran sektor ekonomi untuk meneruskan perniagaan ketika tempoh PKP bagi memastikan kelangsungan perniagaan kecil. Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu pada bulan Mei mencatatkan peningkatan sebanyak 23.6 ribu orang, merekodkan 139.6 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (April 2021: 116.0 ribu orang). Dari segi kedudukan tenaga buruh pada Mei 2021, bilangan tenaga buruh adalah sebanyak 16.10 juta orang (April 2021: 16.09 juta orang) merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada 68.5 peratus (April 2021: 68.6%).

Mengulas lanjut berkaitan pengangguran pada Mei 2021, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata “Penganggur aktif yang merangkumi lebih 80 peratus daripada keseluruhan penganggur merekodkan pengurangan sebanyak 8.7 ribu orang kepada 609.9 ribu orang (April 2021: 618.7 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, sebanyak 52.2 peratus adalah penganggur yang menganggur kurang dari tiga bulan manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun merangkumi 10.2 peratus. Selain itu, penganggur tidak aktif yang percaya tiada pekerjaan yang tersedia menurun sebanyak 5.8 ribu orang kepada 118.2 ribu orang (April 2021: 124.0 ribu orang)”.


Dari segi kumpulan yang tidak aktif, Mei 2021 menyaksikan bilangan luar tenaga buruh meningkat sebanyak 21.2 ribu orang kepada 7.40 juta orang (April 2021: 7.38 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan kategori utama luar tenaga buruh dengan sumbangan sebanyak 45.2 peratus dan diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan (43.7%).

Merumuskan keseluruhan situasi tenaga buruh, Ketua Perangkawan berkata, “Ketika negara memasuki separuh kedua tahun 2021, Perintah Kawalan Pergerakan Penuh atau *'total lockdown'* dilaksanakan dalam usaha melandaikan keluk jangkitan COVID-19 menyebabkan penutupan semua sektor ekonomi dan sosial di seluruh negara kecuali sektor ekonomi dan perkhidmatan penting dengan bilangan pekerja yang terhad di tempat kerja. Dengan langkah-langkah terkini kawalan kesihatan, sektor ekonomi dijangka berdepan cabaran dalam mengekalkan momentum pemulihan mereka manakala industri berkaitan pelancongan akan terus terkesan.


Dengan kes jangkitan baharu harian yang berterusan melebihi 6,000 kes menjelang akhir Jun 2021, PKP Diperketatkan (PKPD) telah dilaksanakan di beberapa lokaliti tertentu di Kuala Lumpur dan Selangor bermula 3 hingga 16 Julai dan seterusnya bagi mengurangkan peningkatan kes baharu di kawasan-kawasan tersebut. Oleh itu, pasaran buruh berkemungkinan akan berdepan dengan situasi yang tidak menentu pada bulan-bulan berikutnya bergantung kepada kedudukan situasi pandemik. Walau bagaimanapun, usaha sedang dilaksanakan bagi memastikan lebih ramai individu menerima suntikan vaksin di bawah Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan dalam usaha menjamin negara untuk mencapai objektif imuniti kelompok menjelang akhir tahun. Selain itu, pelbagai inisiatif diperkenalkan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Pemulihan dan Ekonomi (PEMULIH) bagi menyokong perniagaan dan mengekalkan pekerja dalam pasaran buruh. Oleh itu, adalah diharapkan agar langkah-langkah ini dapat membantu aktiviti ekonomi untuk memperoleh momentum pemulihannya, seterusnya mengekalkan kedudukan pasaran buruh pada bulan-bulan akan datang”.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di **www.mycensus.gov.my** atau media sosial **@MyCensus2020** untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Pengangguran, Malaysia, 1982-2020, ST1 2018 - ST1 2021 dan Januari 2020 - Mei 2021



Carta 2: Kadar Pengangguran, Malaysia, 1982-2020, ST1 2018 - ST1 2021 dan Januari 2020 - Mei 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

8 JULAI 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA, MAY 2021

**Unemployment rate was 4.5 per cent in May 2021 recording
728.1 thousand unemployed persons**

PUTRAJAYA, 8 July 2021 – Unemployment rate was 4.5 per cent in May 2021 recording 728.1 thousand unemployed persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on Statistics of Labour Force, Malaysia, May 2021. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, "The unemployment rate in May 2021 was slightly lower as compared to April at 4.5 per cent (April 2021: 4.6%). Accordingly, fewer number of unemployed persons were registered at 728.1 thousand persons (April 2021: 742.7 thousand persons) and it was on a downward trend since February 2021. In May last year, the country experienced an all-time high monthly unemployment rate of 5.3 per cent with 826.1 thousand unemployed persons. Thus, in comparison with the same month of the previous year, the number was smaller yet still above 500 thousand persons recorded during the pre-pandemic period".

Early May 2021, most of the states were in Conditional and Recovery Movement Control Order (MCO) phases whereby businesses continued to operate with compliance to standard operating procedures (SOP). Beginning 6 May 2021, selected states were placed in MCO to contain the spread of the COVID-19; namely Johor, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur and Sarawak. Prior to that, Kelantan was already under the MCO since end of April 2021. Although stricter measures were imposed in these states, all economic activities including small businesses and bazaar were still allowed to operate in adherence to the SOP.

Elaborating on the employed persons situation during the month, the Chief Statistician said, "The number of employed persons increased marginally by 0.1 per cent to 15.37 million persons (April 2021: 15.35 million persons). The employment-to-population ratio was unchanged at 65.4 per cent. By economic sector, the number of employed persons in Services sector posted a month-on-month increase particularly in Wholesale & retail trade; Food & beverages services and Human health & social work activities. The number of employed persons in Manufacturing sector also continued its positive growth for seven months. In the meantime, employed persons

in Construction, Agriculture and Mining & Quarrying sectors declined”.

Looking at the status of employment, employee’s category which made up the largest composition of employed persons at 77.9 per cent, improved by 0.6 per cent month-on-month to 11.98 million persons (April 2021: 11.96 million persons). Likewise, own-account workers posted a rise of 2.4 thousand persons to 2.49 million persons in May 2021. The addition of employed person in this category was partly due to the permission of economic sector to continue their businesses during the MCO in order to ensure sustainability of small businesses. The number of employed persons who were temporarily not working in May recorded an increase of 23.6 thousand persons, registering 139.6 thousand persons as against the previous month (April 2021: 116.0 thousand persons). In terms of labour force situation in May 2021, the number of labour force was 16.10 million persons (April 2021: 16.09 million persons) recording labour force participation rate (LFPR) at 68.5 per cent (April 2021: 68.6%).

Commenting further on the unemployment in May 2021, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The actively unemployed which comprised of more than 80 per cent of the total unemployed persons recorded a reduction of 8.7 thousand persons to 609.9 thousand persons (April 2021: 618.7 thousand persons). Among the actively unemployed who were available for work and were actively seeking job, 52.2 per cent were unemployed for less than three months while those who were in long-term unemployment of more than a year comprised of 10.2 per cent. In addition, the inactively unemployed who believed that there were no jobs available decreased by 5.8 thousand persons to 118.2 thousand persons (April 2021: 124.0 thousand persons)”.

From the view of inactivity group, May 2021 witnessed the number of outside labour force went up by 21.2 thousand persons to 7.40 million persons (April 2021: 7.38 million persons). Housework/ family responsibilities was the major category of outside labour force with a share of 45.2 per cent and followed by schooling/ training category (43.7%).

Concluding the overall labour force situation, the Chief Statistician said, “As the country entered the second half of year 2021, the Full Movement Control Order (FMCO) or 'total lockdown' was implemented in order to flatten the COVID-19 infection curve resulting in a nationwide shutdown of all social and economic sectors except those deemed as essential economic and service sectors with limited number of employees at site. With the latest health containment measures, the economic sectors are anticipated to face challenges in maintaining their recovery momentum while tourism-related industries may continue to be impacted.

With new daily infections cases were persistently above 6,000 cases towards the end of June 2021, the Enhanced MCO (EMCO) has been implemented in certain localities in Kuala Lumpur and Selangor starting from 3 to 16 July onwards in mitigating the

spike of new cases in those areas. Consequently, the labour market may be facing uneven situation in the ensuing months depending on the stage of the pandemic. However, efforts are underway to ensure more people are vaccinated under the National COVID-19 Vaccination Programme to guarantee that the country reach the objective of herd immunity by the end of the year. Furthermore, various initiatives were introduced under the “Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi” (PEMULIH) to support businesses and sustain employees in the labour market. Therefore, it is hoped that these measures will help the economic activities to gain its recovery momentum, thereby sustaining the labour market situation in the forthcoming months”.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Unemployment, Malaysia, 1982-2020, Q1 2018 – Q1 2021 and January 2020 - May 2021





Chart 2: Unemployment rate, Malaysia, 1982-2020, Q1 2018 – Q1 2021 and January 2020 - May 2021



Released by:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 JULY 2021**